

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

| | Tajuk Program / Projek | Fokus WPA 21 | Objektif | Keterangan Ringkas Program / Projek |
|---|--|---------------------|---|--|
| KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | | | | |
| AUTORITI KAWALAN BANGUNAN DAN INDUSTRI PEMBINAAN (ABCI) | | | | |
| 1 | Penguatkuasaan Kesalahan-Kesalahan di bawah Perintah Kawalan Bangunan, 2014 yang boleh dikenakan Kompaun | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan kompaun atau melanggar akta perintah kawalan bangunan; • Memberi promosi meluas mengenai dasar, strategi, mekanisme dan amalan terbaik dalam Industri Pembinaan; • Memastikan penyampaian dengan kesalahan - kesalahan yang boleh dikenakan kompaun disampaikan lebih kepada orang ramai secara jelas dan teratur kepada orang / kumpulan yang berkepentingan; • Meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan untuk mendapatkan kebenaran sebelum menjalankan sebarang atau apa-apa juar kerja kemajuan terlebih dahulu. | Projek ini adalah satu projek untuk menyampaikan makluman kepada orang ramai mengenai peraturan Perintah Kawalan Bangunan yang terkini dan juga pemberitahuan mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan kompaun terutamanya kepada semua stakeholders iaitu orang yang berkelayakan (QP), pembina dan pemaju yang mana tujuan projek ini adalah memastikan keselamatan pembinaan serta kesejahteraan orang ramai. |
| 2 | To Enforce Registration of Raw Material Importation | Struktur Organisasi | Memperkasa pendaftaran syarikat pengimport bahan - bahan atas asas binaan bagi mempertingkatkan pengawal selia dan pemantauan terhadap bahan-bahan atas binaan yang dibawa masuk ke dalam Negeri terutama dari aspek kualiti dan kuantiti bahan berkenaan. | Mengadakan pemberigaan, pemberitahuan dan pengenalan terhadap syarikat pengimport yang masih belum berdaftar / berhasrat ingin berdaftar, mengenai dengan kehendak kerajaan untuk syarikat-syarikat pengimport bahan atas pembinaan berdaftar iaitu mempunyai lesen pengimportan dengan Kementerian Pembangunan. |
| 3 | Improvement of Licensing Registration | Struktur Organisasi | | <ul style="list-style-type: none"> • Prosedur pendaftaran kontraktor dan pembekal edisi 2020 mula digunakan; • Kategori kerja kepakaran temuduga (KPBo2, KPBo5, KPB11A, KPB11B, KPB17). |
| 4 | Pengemaskinian Permohonan Iklan, Papan Iklan dan Papan Tanda | Struktur Organisasi | | <ul style="list-style-type: none"> • Menghantar kajiselidik (<i>online survey</i>) kepada Syarikat Pengiklan mengenai penambahan perkhidmatan dan permohonan iklan (termasuk cadangan bagi struktur kekal iklan); • Bagi iklan yang berkaitan makanan terlebih dahulu hendaklah menghadapkan surat kebenaran / surat pengesahan daripada Kementerian Kesihatan (<i>Code of Responsible Marketing</i>); • Permohonan baru / membaharui (<i>renewal</i>) bagi pemasangan iklan sementara (<i>billboard banner</i>) adalah tidak dibenarkan bagi- <ul style="list-style-type: none"> - Jalan Pasar Gadong - Jalan Siti Hamidah <i>Traffic Junction</i> - Jalan Gadong - Jalan Tutong <i>Traffic Light Junction</i>. |
| URUSETIA PERUBAHAN IKLIM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM | | | | |
| 5 | Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam | Dasar | Membentuk hala tuju rendah karbon dan berdaya tahan iklim. | Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dibentuk bagi membantu negara mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan memperkuuh kedayaatahan negara terhadap impak perubahan iklim. |
| UNIT AUDIT DALAMAN | | | | |
| 6 | Sistem Audit Dalaman dan Luar (ADL) | Struktur Organisasi | Sistem Pengurusan Maklumat Penemuan Audit ini merupakan sistem yang boleh | <ul style="list-style-type: none"> • Perisian sumber perancangan (ERP) adalah satu bentuk MIS yang dibentuk meningkatkan |

| SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | | | | |
|--|---|---------------------|--|---|
| | Tajuk Program / Projek | Fokus WPA 21 | Objektif | Keterangan Ringkas Program / Projek |
| | | | digunakan bagi memudahkan pihak pengurusan membuat pemantauan, penelitian, dan penilaian terhadap pengauditan yang telah dibuat oleh Unit Audit Dalaman Kementerian Pembangunan. Sistem ini juga akan memberikan kemudahan untuk pihak pengurusan mengetahui status audit yang sedang dilaksanakan pada setiap peringkat dan akan meningkatkan keberkesanan pengurusan pengauditan yang lebih efektif dan baik. | ketersediaan maklumat kerja - kerja audit. Ianya adalah untuk meningkatkan keupayaan dalam mengumpul dan melaporkan maklumat penemuan audit kepada pihak pengurusan untuk membuat keputusan yang berkesan; ● Sistem ADL ini adalah selaras dengan inisiatif Kementerian untuk membudayakan "Smart MOD" dalam penggunaan sistem komputer untuk merekod maklumat audit dengan lebih berkesan. |
| 7 | Rebiu Dasar Audit Dalaman | Dasar | Mencapai keberkesanan sistem audit dalam melalui perancangan strategik. | <ul style="list-style-type: none"> ● Menggunakan pendekatan <i>Balanced Scorecard</i> selaras dengan rangka Kementerian Pembangunan 2018 - 2023; ● Memantau metrik audit dalaman jabatan-jabatan dan divisyen dibawah kementerian Pembangunan. |
| JABATAN KERJA RAYA | | | | |
| JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN | | | | |
| 8 | Penstrukturran Semula Bahagian Pentadbiran | Struktur Organisasi | <p>Menjadikan JKR sebuah Jabatan yang berkeupayaan dan berprestasi tinggi dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dengan lebih cekap dan berkesan, terutamanya dalam bidang kritikal seperti berikut:-</p> <p>i) Mempantapkan tahap dan kredibiliti Jabatan Pentadbiran dan Kewangan supaya dapat memberikan perkhidmatan dan penyampaian yang lebih cepat, tepat dan berkesan;</p> <p>ii) Menjadikan Jabatan Pentadbiran dan Kewangan khususnya Bahagian Pentadbiran lebih berdaya tahan dan mampu untuk berhadapan dengan cabaran akan datang dalam usaha untuk memenuhi keperluan dan tuntutan mana-mana pihak yang berkepentingan masa ini;</p> <p>iii) Memberi penekanan dan fokus kepada perancangan strategik dan pelaksanaan program pembangunan sumber manusia termasuk kepakaran profesional berjawatan teknikal.</p> | <p>Telah dirasmikan pada 1 April 2021.</p> <p>Antara perkara yang dapat memberikan kesan setelah penstrukturran semula ini sama ada secara langsung atau sebaliknya adalah seperti berikut:-</p> <p>i) Mencapai matlamat strategiKPI Bahagian Pentadbiran iaitu peratus pengisian jawatan di bawah Jabatan ini</p> <p>ii) Meningkatkan tahap kualiti prosedur dan pengendalian kerja bagi mengurangkan pertindihan fungsi dan TPOR atau tunggakan - tunggakan kerja dengan mengurangkan ketiadaan fokus bekerja di kalangan Ketua-Ketua Unit serta mengurangkan tugas-tugas <i>ad hoc</i> tanpa perancangan dan penyelarasaran yang berkesan</p> <p>iii) Tugas dan tanggungjawab Ketua Bahagian Pentadbiran beserta pegawai-pegawai di bawah Bahagian ini boleh fokus kepada perancangan, penyediaan dan pelaksanaan pelbagai dasar strategik bertujuan untuk mempertingkatkan urus tadbir Jabatan Kerja Raya di samping memastikan tugas-tugas rutin pentadbiran berjalan dengan lancar.</p> |
| 9 | Program Latihan Teknikal bagi Pegawai dan Kakitangan Khususnya Bagi yang Tidak Mempunyai Kelulusan Teknikal | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> ● Pegawai / kakitangan Jabatan Kerja Raya khususnya pengawas tapak dapat:- - Meningkatkan tahap kecekapan, kemahiran dan pengetahuan pegawai dan kakitangan JKR dalam pengendalian projek di Jabatan Kerja Raya; - Mengetahui kepentingan penggunaan 'PWD Quality Supervision Manual' untuk diserapkan dalam pekerjaan agar ia berjalan dengan lebih sistematik, teratur dan lancar; - Meningkatkan pengetahuan dan pengalaman disamping mempunyai kemahiran dalam bidang pengawasan. ● Pegawai dan kakitangan khususnya yang | <ul style="list-style-type: none"> ● Mengadakan latihan yang bersesuaian bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman pegawai . Kakitangan Jabatan Kerja Raya:- - Program Latihan Teknikal berpandukan PWD Quality Supervision Manual - 2013 Edition khususnya bagi pengawas - pengawas tapak dalam bidang teknikal - Program latihan dalam penggunaan Project Implementation Manual kepada pegawai dan kakitangan khususnya yang mengendalikan projek ● Mengadakan taklimat / bengkel dalam pemahaman penggunaan Quotation Administration Guide (QAGE) dan Contract |

| SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | | | | |
|--|---|---------------------|--|--|
| | Tajuk Program / Projek | Fokus WPA 21 | Objektif | Keterangan Ringkas Program / Projek |
| | | | mengendalikan projek-projek:- - Pegawai / kakitangan Jabatan Kerja Raya (yang berkenaan) dapat memahami dengan lebih mendalam dalam penggunaan Project Implementation Manual; • Pegawai / kakitangan Jabatan Kerja Raya akan lebih cekap, mahir dan faham terma dan persyaratan dalam menggunakan kedua - dua panduan (QAGE dan CAGE) tersebut. | Administration Guide (CAGE) |
| 10 | Klinik Penyemakan Plan Kesihatan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE Plan Clinic) | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> Memberikan kefahaman kepada warga Jabatan Kerja Raya mengenai isi kandungan HSE Plan selaras dengan keperluan WSH Order 2009 dan Peraturan berkaitan dengan lebih berkesan; Meningkatkan kemahiran kepada warga Jabatan Kerja raya dalam pengurusan HSE di tapak pembinaan; Memastikan pihak kontraktor menyediakan pengawalan HSE di tapak pembinaan. | Meneliti HSE plan yang diterima dari kontraktor oleh satu kumpulan kecil secara berperingkat bagi memberikan kefahaman mengenai isu kandungan HSE Plan dan mendapatkan keseragaman dalam cara penelitian dan penerangan setiap keperluan isi kandungan HSE Plan. |
| 11 | Penambahbaikan Sistem Inventori Peralatan Perlindungan Diri dan Keselamatan | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> Merekod inventori jumlah barang yang diterima dari pembekal dan pengagihan barang-barang seterusnya memudahkan pihak Bahagian HSE untuk membuat pembelian barang mengikut jenis barang yang <i>high demand / fast moving item</i> bagi mengelak dari penyimpanan yang berlebihan; Merekod keterangan penerima / pengguna barang tarikh dan jumlah barang yang diterima untuk mempercepatkan penyemakan ke atas permohonan selanjutnya; Memudahkan pemantauan ke atas baki simpanan barang - barang dan pembelian barang - barang; Sistem yang mudah untuk digunakan oleh kakitangan yang kurang mahir dalam program komputer. | Menambahbaiki sistem inventori yang sedia ada bagi peralatan perlindungan diri kepada yang lebih mesra pengguna dan efisien dengan merekodkan tarikh penerimaan dan pengagihan secara lebih teratur seterusnya tarikh luput barang-barang dapat dikesan dan jumlah yang diperlukan dapat dijangkakan. |
| 12 | Perkhidmatan Penghantaran Drone bagi Projek - Projek Pembinaan dan Infrastruktur di bawah Jabatan Kerja Raya | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan keadaan struktur tapak pembinaan sesuai sebelum memulakan projek yang dicadangkan; Memudahkan dalam membuat pemeriksaan dan penilaian projek terutama dari segi keluasan dan ketinggian; Memantau perkembangan yang sedang dalam pelaksanaan untuk urusan pembayaran; Memudahkan dalam membuat pemeriksaan dan pemerhatian terhadap kererosakan atau kecacatan pembinaan selama dalam tempoh pemeliharaan. | Penggunaan perkidahtan drone (agensi swasta) bagi mengambil gambar dan video projek - projek pembinaan dan infrastruktur yang dikendalikan oleh Jabatan - Jabatan di bawah Jabatan Kerja Raya untuk pemantauan perkembangan projek dari mula pelaksanaan projek hingga siap dan seterusnya tempoh pemeliharaan. |
| 13 | Penggunaan Kaedah Digital QSM (Quality Supervision Manual) Secara online dalam Projek-Projek di Bawah Jabatan Kerja Raya | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> Memastikan kontraktor-kontraktor yang diluluskan memahami dan mematuhi kandungan kerja-kerja pembinaan, lukisan dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam projek tawaran; Memastikan kawalan (Quality Control) adalah terjamin; Memantau perkembangan (progress projek; Memberikan laporan dan memastikan masalah yang timbul dapat diselesaikan tepat | QSM adalah merupakan manual (checklist digital yang boleh digunakan secara online dalam site inspection bagi projek-projek yang dalam pelaksanaan bagi menggantikan borang checklist (cetakan kertas) yang digunakan sebelum ini dan memastikan kontraktor pembinaan mematuhi spesifikasi kerja dan prosedur yang telah ditetapkan dan mementingkan Quality Control. QSM ini boleh diakses menggunakan telefon pintar. |

| SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | | | | |
|--|---|---------------------|---|---|
| | Tajuk Program / Projek | Fokus WPA 21 | Objektif | Keterangan Ringkas Program / Projek |
| | | | <p>pada masanya;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk jangka panjang, sebagai alat dalam memastikan kualiti pembinaan dan nilai asset seterusnya. | |
| JABATAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL | | | | |
| 14 | Digitasi Laporan Penyelidikan Tanah | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> • Digitasi laporan fizikal penyelidikan tanah; • Menyimpan dan menyusun segala data penyelidikan tanah ke dalam server Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik (BKTKS); • Menyediakan peta-peta kajian tanah untuk projek yang dilaksanakan di bawah mana - mana bahagian kerajaan. | Projek ini adalah untuk mendigitasi laporan penyelidikan tanah bagi ke empat - empat daerah ke dalam server Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik (BKTKS) untuk memberi pengaksesan mudah penggunaan pegawai dan kakitangan Bahagian. Dengan pengumpulan data ini, ia juga membolehkan penyediaan peta kaji tanah awal bagi kawasan tumpuan projek yang belum mempunyai sebarang informasi untuk kajian selanjutnya. |
| 15 | Pemetaan Risiko dan Bahaya Tanah Susur | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti kawasan berpotensi tanah susur; • Membina peta risiko dan bahaya tanah susur bagi keseluruhan Negara Brunei Darussalam; • Mengkomersialkan peta risiko dan bahaya tanah runtuh. | Tujuan projek ini adalah membina peta risiko dan bahaya tanah susur bagi keseluruhan Negara Brunei Darussalam. Ia dapat membantu dalam mengenalpasti kawasan berpotensi tanah susur dengan menunjukkan tempat berisiko rendah, sederhana dan tinggi berdasarkan beberapa dataset termasuk kejadian tanah runtuh yang telah terjadi sebelumnya. |
| JABATAN PERKHIDMATAN BANGUNAN | | | | |
| 16 | Manual Asas Penyelenggaraan Bangunan | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan Manual Asas Penyelenggaraan bangunan dengan lebih berkesan untuk kegunaan kementerian - kementerian dan jabatan masing - masing; • Mempermudahkan kementerian - kementerian dan jabatan - jabatan mengenalpasti kerosakan yang ada pada bangunan masing - masing; • Mempermudahkan kementerian - kementerian dan jabatan - jabatan mengenalpasti tatacara pembaikan yang ada pada bangunan masing-masing; • Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kementerian - kementerian dan jabatan - jabatan dalam hal ehwal penjagaan bangunan yang teratur; • Menuju pada industri pembinaan yang produktif dan kompeten; • Mempermudahkan tatacara kerja-kerja pemeriksaan untuk penggunaan kementerian - kementerian dan jabatan - jabatan di bawahnya; • Meningkatkan penglibatan kementerian - kementerian dan jabatan - jabatan di bawahnya dalam memastikan keadaan aset masing - masing dalam keadaan teratur. | Memperkenalkan buku panduan asas bagi penjagaan dan tatacara pembaikan bangunan / aset. |
| JABATAN SALIRAN DAN PEMBENTUNGAN | | | | |
| 17 | Pengurusan Kitar Semula Kertas Buangan / Sisa Bagi Jabatan Saliran dan Pembentungan | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan kertas buangan / sisa yang semakin bertambah; • Mengawal dan mengurangkan pemakaian / penggunaan kertas; | Projek / program ini menyediakan perkhidmatan bagi Jabatan Saliran dan Pembentungan seperti berikut:- Membekal kotak kitar semula bagi |

| SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | | | | |
|--|--|---------------------|---|---|
| | Tajuk Program / Projek | Fokus WPA 21 | Objektif | Keterangan Ringkas Program / Projek |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pegawai dan kakitangan Jabatan ini untuk mengelak dari membazir kertas dan menggunakan alternatif lain untuk berhubung dan menyampaikan atau menyebarkan maklumat seperti melalui emel dan whatsapp; Membantu dalam mengurangkan sampah dan sisa pepejal (<i>solid waste</i>) yang boleh mendatangkan kesan bencana alam sekitar seperti banjir. | pembuangan kertas sisa untuk dikitar semula menjadi kertas tisu <ul style="list-style-type: none"> - Menjalankan perkhidmatan kutipan kertas sisa setiap bulan selama setahun (12 kali) - Memberi taklimat mengenai kesedaran kitar semula kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Saliran dan Pembetungan (2 kali) - Mengeluarkan Sijil Pengiktirafan kepada Jabatan Saliran dan Pembetungan setelah tamat program / projek tersebut. |
| 18 | Meneliti, Menderaf dan Menerbitkan Buku Pindaan Rekabentuk dan Garispanduan Pembetungan | Dasar | Menambahbaik isi kandungan mengikut amalan terbaik (<i>best practices</i>), disesuaikan dengan keperluan dari segi aspek perancangan, rekabentuk, pembinaan dan pemeliharaan sistem sanitasi bangunan dan infrastruktur pembetungan. Disamping itu, penggunaan bahan-bahan binaan dalam sistem sanitasi / infrastruktur pembetungan seperti paip, lurang, penutup lurang dan bingkainya (<i>manhole cover and frame</i>) dan peralatan mekanikal dan elektrikal sistem - sistem stesen pengepam, loji rawatan dan vakum bagi sesuatu projek termasuk projek kerajaan. | Meneliti semula buku panduan rekabentuk pembetungan iaitu <i>Design Manual and Guidelines for Sewerage</i> (2013) untuk keluaran pindaan atau terbitan baru. |
| 19 | Pemantauan dan Pengumpulan Data Maklumat Sistem Saliran Bagi Daerah Brunei dan Muara | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> Proaktif dalam mencegah banjir melalui pemantauan awal jika ada longkang yang tersumbat; Untuk mencadangkan jika perlu penyelenggaraan seperti memotong rumput ataupun membuang selut; Sistem saliran dapat dimasukkan ke dalam peta bagi memudahkan aktiviti penyelenggaraan. | <ul style="list-style-type: none"> Memantau secara fizikal keadaan sistem saliran setiap bulan; Mengumpulkan maklumat mengenai saiz longkang yang sedia ada untuk dimasukkan ke dalam data peta. |
| 20 | Memohon Maklumbalas Mengenai Hasil Projek Pencegahan Banjir daripada Ketua Kampung di Kawasan yang Mudah Banjir | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> Menjalankan tinjauan mengenai keberkesanan projek pengawalan banjir di kawasan mudah banjir; Mendapatkan maklumat tambahan jika ada sebarang kekurangan yang boleh diperbaiki. | <ul style="list-style-type: none"> Setelah projek pencegahan banjir siap dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik. Pihak Jabatan perlu maklumat keberkesanan hasil projek tersebut kepada penduduk di kawasan projek; Mengumpulkan maklumat sejarah kejadian banjir sebelum projek dilaksanakan dan mengumpul maklumat keberkesanan atau hasil projek setelah projek siap dilaksanakan. |
| JABATAN PERKHIDMATAN JALAN RAYA | | | | |
| 21 | Penempatan dan Pertukaran Pegawai dan Kakitangan di Unit - Unit di Bahagian Pengurusan dan Pemeliharaan Jalan Raya | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> Mendongong hasrat negara untuk mencapai Wawasan Negara 2035 dengan menumpukan kepada pembaikan organisasi jabatan bagi mencapai matlamat dan peranan - peranan Jabatan; Mempertingkatkan mutu kerja pegawai dan kakitangan dan pencapaian Jabatan keseluruhannya; Memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan Jabatan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka di setiap unit dengan bukan hanya ditempatkan dan bertugas di satu unit sahaja di sepanjang perkhidmatan mereka | Peranan Jabatan Jalan Raya adalah untuk merancang dan membina infrastruktur jalan raya dan jambatan, memelihara dan mengurusnya, serta memastikan keselesaan dan keselamatan para pengguna jalan raya di Negara Brunei Darussalam. Bagi memastikan pencapaian bagi pelaksanaan peranan - peraan ini dengan baik, jabatan ini hendaklah mempunyai organisasi dan kakitangan Jabatan yang berkebolehan. Antara usaha jabatan bagi memperbaiki organisasi ialah dengan menukar dan menempatkan pegawai dan kakitangan Jabatan di unit-unit di dalam Jabatan khususnya di Bahagian Pemeliharaan dan Pengurusan Jalan Raya mengikut kelayakan dan kebolehan dari masa ke semasa. |

| SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | | | | |
|--|--|---------------------|--|---|
| | Tajuk Program / Projek | Fokus WPA 21 | Objektif | Keterangan Ringkas Program / Projek |
| JABATAN TANAH | | | | |
| 22 | Perkhidmatan Penyaluran Maklumat Yang Telus, Informatif dan Terkini kepada Pelanggan dan Stakeholders Melalui Laman Sesawang Jabatan (www.tanah.gov.bn) yang Mengandungi dan Menyampaikan Maklumat, Panduan, Jenis Perkhidmatan, Borang Permohonan, Laporan, Perangkaan, Perubahan, Penambahbaikan Perkhidmatan dan juga Berita Semasa | Struktur Organisasi | Menyalurkan maklumat yang telus, informatif dan terkini kepada pelanggan dan stakeholders. | Perkhidmatan penyaluran maklumat yang telus, informatif dan terkini kepada pelanggan dan stakeholders melalui laman sesawang Jabatan (www.tanah.gov.bn) yang mengandungi dan menyampaikan maklumat, panduan, jenis perkhidmatan, borang - borang permohonan, laporan, perangkaan, perubahan, penambahbaikan perkhidmatan dan juga berita semasa. |
| 23 | Penggunaan Penambahan Sistem Penomboran di Kaunter-Kaunter Perkhidmatan dan Pembayaran di Pejabat Tanah, Brunei Muara | Struktur Organisasi | Melancarkan dan memudahkan urusan perkhidmatan dan pembayaran di Pejabat Tanah Brunei dan Muara. | Memperkenalkan penggunaan penambahan sistem penomboran di kaunter-kaunter perkhidmatan dan pembayaran di Pejabat Tanah Brunei dan Muara. |
| 24 | Penseragaman Perkhidmatan, Prosedur dan Proses Kerja di Pejabat-Pejabat Tanah Daerah bagi Permohonan: a) Menukar Syarat Khas Tanah b) Lesen Tumpang Sementara (LTS) | Struktur Organisasi | Melancarkan proses dan prosedur kerja serta memantapkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. | Penseragaman Perkhidmatan, Prosedur dan Proses Kerja di Pejabat-Pejabat Tanah Daerah bagi Permohonan: a) Menukar Syarat Khas Tanah b) Lesen Tumpang Sementara (LTS) |
| 25 | Penggunaan Sistem Maklumat Lesen Tumpang Sementara (LTS) | Struktur Organisasi | Digunakan bagi pengisian data / data entry bagi maklumat-maklumat tanah LTS termasuk pembayaran lesen tahunan. | Penggunaan Sistem Maklumat Lesen Tumpang Sementara. |
| 26 | Bengkel Pendaftaran Tanah | Struktur Organisasi | Perkongsian pengetahuan mengenai dengan hal ehwal pendaftaran khusus bagi Pegawai dan Kakitangan baru. | Bengkel Pendaftaran Tanah. |
| 27 | Penguatkuasaan Sebahagian daripada Perintah (Pindaan) Kanun Tanah, 216 bagi Pelaksanaan Pendaftaran Kaveat | Dasar | Melindungi kepentingan pihak - pihak tertentu ke atas sebidang tanah dengan memasukkan atau mendaftarkan kepentingan itu ke Daftar Tanah. | Penguatkuasaan Sebahagian daripada Perintah (Pindaan) Kanun Tanah, 216 bagi Pelaksanaan Pendaftaran Kaveat. |
| 28 | Pengemaskinian Nama Bahagian di Jabatan Tanah | Struktur Organisasi | Memenuhi Perancangan Strategik 2020 / 2025 Jabatan Tanah. | Pengemaskinian Nama Bahagian di Jabatan Tanah. |
| JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA | | | | |
| 29 | Program Dialog bersama Qualified Person (QP), Licensed Land Surveyors (LLS) and Lawyers (Syarikan Guaman) | Struktur Organisasi | Memantapkan kerjasama antara Jabatan dan pelanggan bagi memastikan pembaikan berterusan dalam memproses permohonan kebenaran Perancangan dan Penyatuan dan / atau Pemecahan Tanah serta permohonan bagi mendapatkan pengesahan maklumat perancangan. | Dalam memastikan kelancaran dalam proses mengeluarkan kebenaran terhadap permohonan-permohonan yang diproses, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog dua hala berterusan bersama Qualified Person, Licensed Land Surveyors dan Lawyers . Tujuan dialog ini adalah untuk memaklumkan mana-mana perubahan tatacara dan garispanduan dan keperluan-keperluan lain yang diperlukan. Dialog juga boleh menjadi platform bagi agensi kerajaan yang berkaitan dan pihak Qualified Persons, Licensed Land Surveyors and Lawyers membincangkan masalah-masalah yang dihadapi terutama ketidaksesaran kepada keperluan perancangan yang sering dilakukan oleh pihak Qualified Persons, Licensed Land Surveyors and Lawyers berkaitan dengan permohonan yang dihadapkan. |
| 30 | System of Status (eSOS) | Struktur Organisasi | • Memudahkan pemilik tanah untuk mengetahui status permohonan kebenaran perancangan; | Sistem ini disediakan bilamana Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) seringkali menerima kunjungan (kaunter) dan telefon |

| SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | | | | |
|--|--|---------------------|---|--|
| | Tajuk Program / Projek | Fokus WPA 21 | Objektif | Keterangan Ringkas Program / Projek |
| | | | <ul style="list-style-type: none"> Mempertingkatkan kecekapan dan keberkesan dalam hal memudahkan pemantauan setiap proses. | dari pemilik tanah untuk mengetahui status permohonan Kebenaran Perancangan (KP) mereka, yang diuruskan oleh pihak Qualified Persons (QP) yang mereka lantik. Oleh itu, bagi memudahkan pemilik-pemilik tanah bekenaan, sistem eSOS direkacipta oleh Bahagian Maklumat Perancangan (IT Section JPBD) bagi membolehkan pemilik tanah untuk mengetahui status permohonan melalui talian (online) Inisiatif ini adalah sebagai salah satu usaha Jabatan dalam mengendalikan Ease of Doing Business di negara ini. |
| 31 | Penyediaan Garis Panduan Perancangan bagi Pemecahan dan Penyatuan Strata | Dasar | <ul style="list-style-type: none"> Membantu dan mempercepatkan proses permohonan pemecahan dan penyatuan strata; Garis panduan yang disediakan sentiasa relevan dan sufficient dalam menangani kehendak kemajuan semasa dan masa akan datang; Memudahkan peluang memulakan perniagaan (<i>Ease of Doing Business</i>) di negara ini khusus berkaitan dengan sektor <i>Dealing with Construction Permits</i>. | Projek penyediaan garis panduan perancangan bagi pemecahan dan penyatuan strata mula dilaksanakan pada November 2019 atas nasihat Kementerian Pembangunan bagi menyelaras permohonan-permohonan kemajuan bangunan untuk mendapatkan hak milik strata. Penyediaan garispanduan ini telah siap disediakan sepenuhnya pada jun 2020 dan dilancarkan secara rasmi semasa sambutan Hari Perancangan Bandar dan Desa pada 19 November 2020. Dari penyediaan garispanduan ini, Jabatan telah berhasil menyediakan Buku Garispanduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Pemecahan dan Penyatuan Strata, Buku Garispanduan Supplementari Perancangan bagi Kemajuan Strata (Perumahan) termasuk garispanduan mendapatkan incentives khusus bagi kemajuan perumahan sahaja yang akan mendapatkan hak strata, tatacara memproses permohonan, Manual Prosedur Kerja bagi memudahkan proses dalaman dan borang baru yang berkaitan dengan permohonan pemecahan dan penyatuan strata. |
| 32 | Garis Panduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Sekolah dan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak | Dasar | <ul style="list-style-type: none"> Menyediakan parameter perancangan dalam menilai permohonan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak bagi memudahkan orang ramai khususnya pihak QP dalam menghadapkan permohonan; Memastikan garispanduan dan piawaian perancangan yang dijadikan sebagai rujukan semasa menghadapkan permohonan bagi mendapatkan kebenaran perancangan adalah sentiasa relevan dan sufficient di dalam menangani kehendak kemajuan semasa dan masa akan datang, disamping memudahkan peluang-peluang memulakan perniagaan (<i>Ease of Doing Business</i>) di negara ini khusus berkaitan dengan sektor <i>Dealing with Construction Permits</i>. | Inisiatif untuk menyediakan garis panduan khusus bagi kemajuan sekolah dan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dimulakan pada awal tahun 2020 bagi mengawal serta memproses permohonan kebenaran perancangan bagi kemajuan sekolah dan kemajuan pusat penjagaan kanak-kanak di negara ini. Piawaian-piawaian yang disediakan adalah dikenakan ke atas semua kemajuan-kemajuan sekolah dan kemajuan pusat penjagaan kanak-kanak yang dibenarkan mengikut syarat khas tanah atau kawasan yang dibenarkan oleh Pihak Yang Berkuasa yang berkenaan. Buku garis panduan ini telah siap dan dilancarkan oleh YB Menteri Pembangunan pada 19 November 2020 semasa sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia. |
| JABATAN UKUR | | | | |
| 33 | Geoportal Mudah Alih (Mobile Apps) | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> Memudahkan perkhidmatan kepada orang ramai dan agensi berkepentingan melalui perkhidmatan online; Memastikan perkhidmatan online yang diberikan oleh Jabatan Ukur berfungsi | Digunakan oleh agensi kerajaan, sektor swasta, orang awam dan akademia untuk melayari Geoportal menggunakan telefon pintar, tablet melalui android atau ios. |

| SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | | | | |
|--|---------------------------|---------------------|--|--|
| | Tajuk Program / Projek | Fokus WPA 21 | Objektif | Keterangan Ringkas Program / Projek |
| | | | sepenuhnya tanpa ada gangguan 24 / 7. | |
| 34 | Penomboran Rumah (Online) | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> ● Memudahkan perkhidmatan kepada orang ramai dan agensi berkepentingan melalui perkhidmatan online; ● Memastikan perkhidmatan online yang diberikan oleh Jabatan Ukur berfungsi sepenuhnya tanpa ada gangguan 24 / 7. | Digunakan oleh orang awam untuk memohon penomboran rumah melalui pembelian pengesahan peralaman rumah secara dalam talian. |
| 35 | RSO Digital | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> ● Memudahkan perkhidmatan kepada orang ramai dan agensi berkepentingan melalui perkhidmatan online; ● Memastikan perkhidmatan online yang diberikan oleh Jabatan Ukur berfungsi sepenuhnya tanpa ada gangguan 24 / 7. | Digunakan oleh orang awam untuk pembelian lembaran ukur (RSO Sheet) melalui geoportal secara dalam talian. |